



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**18 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 58 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 369,970 kes. Tiada kes kematian dilaporkan hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 392 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 358,030 orang. Manakala 216 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 216 orang di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 18 orang merangkumi 15 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 10 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau bertukar dari zon jingga ke merah manakala Kuala Penyu berubah dari merah ke jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah
- Zon Jingga lapan (8) daerah
- Zon Merah 11 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Angka jangkitan baharu terus menurun bagi hari yang ketiga berturut-turut. Jumlah jangkitan baharu ialah 58 kes. Angka ini adalah yang terendah sejak 14 Mei 2021 dan 11 kes lebih rendah daripada jumlah kelmarin.
- b Keadaan di Sabah terus bertambah stabil. Sebanyak 13 daripada 27 daerah di negeri ini tidak mencatat sebarang jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu. Tujuh (7) daerah mencatat peningkatan jumlah kes baharu tetapi pada kadar yang marginal, iaitu Kota Kinabalu (+2), Penampang (+2), Sandakan (+2), Semporna (+2), Beluran (+2), Kota Marudu (+1) dan Tambunan (+1). Kota Kinabalu kekal sebagai daerah yang mencatat kes baharu dua angka.
- c Tanda-tanda penstabilan kes jangkitan virus COVID-19 di Sabah harus dilihat dan dinilai dengan mengambilkira peratusan jangkitan sporadik yang kekal tinggi. Hari ini, kadar jangkitan sporadik ialah 62% daripada keseluruhan kes baharu. Peratusan tinggi ini adalah satu peringatan bahawa jumlah jangkitan harian boleh bertukar secara mendadak sekiranya masyarakat lalai mematuhi SOP.
- d Seramai 54 orang daripada 58 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, seorang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang lagi pesakit dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	12	20.69%
3	Bergejala	36	62.07%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	10	17.24%
<b>JUMLAH</b>		<b>58</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/04/2022	Catatan Kes 18/04/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	20	22	+2
2	Penampang	7	9	+2
3	Beluran	0	2	+2
4	Sandakan	2	4	+2
5	Semporna	1	3	+2
6	Kota Marudu	1	2	+1
7	Tambunan	0	1	+1
8	Ranau	3	3	Mendatar
3	Kalabakan	0	0	Mendatar
10	Tongod	0	0	Mendatar
11	Nabawan	0	0	Mendatar
12	Telupid	0	0	Mendatar
13	Kunak	0	0	Mendatar
14	Keningau	0	0	Mendatar
15	Beaufort	1	1	Mendatar
16	Tawau	2	1	-1
17	Putatan	4	0	-4
18	Tuaran	6	2	-4
19	Kuala Penyu	2	0	-2
20	Pitas	2	0	-2
21	Sipitang	2	0	-2
22	Kudat	2	0	-2
23	Kota Belud	2	0	-2
24	Tenom	3	2	-1
25	Papar	6	5	-1
26	Kinabatangan	1	0	-1
27	Lahad Datu	2	1	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>69</b>	<b>58</b>	<b>-11</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	18	0	3	22	409
Penampang	0	4	5	0	0	9	199
Papar	0	3	2	0	0	5	134
Sandakan	0	0	2	0	2	4	122
Ranau	0	2	0	0	1	3	41
Semporna	0	0	3	0	0	3	16
Tuaran	0	0	2	0	0	2	102
Kota Marudu	0	0	0	0	2	2	34
Tenom	0	1	1	0	0	2	53
Beluran	0	0	2	0	0	2	10
Tawau	0	0	0	0	1	1	74
Beaufort	0	0	1	0	0	1	113
Lahad Datu	0	1	0	0	0	1	35
Tambunan	0	0	0	0	1	1	27
Sipitang	0	0	0	0	0	0	33
Keningau	0	0	0	0	0	0	45
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	33
Putatan	0	0	0	0	0	0	61
Pitas	0	0	0	0	0	0	18
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	39
Telupid	0	0	0	0	0	0	23
Tongod	0	0	0	0	0	0	6
Kunak	0	0	0	0	0	0	10
Nabawan	0	0	0	0	0	0	7
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	13
Kudat	0	0	0	0	0	0	37
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>36</b>	<b>0</b>	<b>10</b>	<b>58</b>	<b>1698</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,209 unit.

- Hospital 1,181 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.87 %.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 APRIL 2022**

i. .Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	58
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>

ii.Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	52
Bukan Malaysia	6
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	4
Belum Menerima Vaksin (5-11)	4
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	6
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	19
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	24
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>

#### Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	3
5 -11	7
12-17	6
18-29	15
30-39	5
40-49	8
50-59	7
60-69	0
70-79	5
80-89	1
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>

### C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 17 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,390 orang. Daripada jumlah ini, seramai 402 orang adalah penduduk dewasa, 195 orang adalah penduduk remaja dan 2,793 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 17 April 2022 adalah seramai 2,572,360 orang. Ini meliputi 2,133,937 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.55% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,432,954 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,361 orang atau 76.98% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,841 orang atau 78.33% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 317,756 atau 74.56% orang setakat ini.
4. Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 104,582 atau 25.42% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 23,837 atau 5.79% orang.



**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 182 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 69 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 998 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 563 premis perniagaan dan 966 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 130 Premis Perniagaan melibatkan 34 anggota APM.
- 4 Sejumlah 138 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 387 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Semporna	99%
3	Beluran	98.9%
4	Kota Belud	98.8%
5	Beaufort	98.8%
6	Sipitang	98.8%
7	Kunak	98.7%
8	Kota Marudu	98.7%
9	Ranau	98.7%
10	Kudat	98.7%
11	Tenom	98.7%
12	Lahad Datu	98.6%
13	Keningau	98.6%
14	Kota Kinabalu	98.6%
15	Penampang	98.6%
16	Tuaran	98.5%
17	Tawau	98.5%
18	Sandakan	98.4%
19	Papar	97.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**